

25 FEB 2001

S'wak-Moggie

KERJASAMA DI KALANGAN PARTI BN S'WAK PERLU TULEN, KATA MOGGIE

SIBU, 25 Feb (Bernama) -- Presiden Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) Datuk Amar Leo Moggie hari ini berkata perlu ada kerjasama tulen di kalangan parti komponen Barisan Nasional di Sarawak bagi menghadapi pilihan raya negeri akan datang.

"Kita tidak sepatutnya hanya sekadar bersetuju untuk bekerjasama tetapi perlu tulen dalam berbuat demikian bagi manfaat bersama," katanya kepada Bernama.

Beliau berkata partinya bersetuju dengan Perdana Menteri dan Pengerusi BN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa empat parti komponen BN di Sarawak perlu meningkatkan kerjasama mereka bagi pilihan raya itu.

Dr Mahathir membuat gesaan itu pada perjumpaan dengan para pemimpin BN negeri di Kuching pada Jumaat.

Moggie, yang juga Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, berkata BN tidak mempunyai sedikit masalah untuk terus berkuasa jika parti-parti komponen memberikan keutamaan pada kerjasama dan perpaduan antara parti.

BN negeri terdiri Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP), Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP) dan PBDS.

Moggie berkata jentera pilihan raya PBDS di semua peringkat telah bersiap sedia.

"Saya berpuas hati dengan persediaan termasuk mengenal pasti calon berpotensi," katanya.

Beliau berkata PBDS akan melalui amalan biasa dalam mengemukakan cadangan dan pandangan kepada Ketua Menteri Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud dalam kapasitinya selaku ketua BN negeri.

Taib akan mengemukakan nama-nama dengan syor beliau kepada Dr Mahathir untuk kelulusan, katanya.

Moggie berkata PBDS akan meneliti prestasi semua penyandang dari parti itu.

"Jika mereka mempunyai rekod baik, kita akan berikan peluang kepada mereka. Daripada maklumat yang diterima daripada anggota dan penyokong akar umbi, semuanya kelihatan mencapai tahap itu," katanya.

PBDS mempunyai lapan kerusi -- Bukit Begunan, Batang Ai, Ngemah, Tamin, Kakus, Pelagus, Baleh dan Belaga -- dalam Dewan Undangan Negeri, yang mempunyai 62 kawasan. Mandat lima tahunnya tamat pada September.

BN menang 58 kerusi pada pilihan raya negeri lepas pada 6 dan 7 Sept, 1996, dengan DAP dan Bebas, masing-masing menang dua kerusi.

Dua minggu lepas, wakil rakyat DAP bagi Pelawan Jason Wong Sing Nang keluar dari parti itu.

-- BERNAMA
ESS RHM MAI